

**Amerika Syarikat Tidak Mungkin Serang Syria - Tun Dr Mahathir  
Bernama  
4 Sept, 2013  
Daripada Norhayati Mohd Akhir**

PUTRAJAYA, 4 Sept (Bernama) -- Amerika Syarikat tidak mungkin menyerang Syria selepas kegagalan membawa keamanan di Iraq yang diserangnya dengan bantuan negara-negara sekutunya, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata bekas Presiden Amerika George W. Bush ketika melancarkan serangan terhadap Iraq pada tahun 2003 dengan mendakwa Iraq kononnya membangunkan senjata pemusnah besar-besaran ternyata satu kesilapan besar kerana sehingga kini Iraq masih tidak aman serta senjata pemusnah itu tidak ditemui.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang media Cabaran Mountain Bike Antarabangsa Langkawi anjuran Human Voyage (M) Sdn Bhd (Human Voyage) di sini yang akan berlangsung pada 30 September sehingga 5 Oktober depan di Langkawi.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Human Voyage Datuk Malik Mydin dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) Tan Sri Khalid Ramli.

Dr Mahathir mengulas mengenai perkembangan terbaharu di Syria yang menurut laporan berita Amerika kini bersiap sedia untuk melancarkan tindakan ketenteraan ke atas Syria.

"Saya tak fikir mereka (Amerika) boleh berjaya jika mereka menyerang Syria. Presidennya Barack Obama perlu mendapat sokongan anggota Parlimen (anggota Kongres) terlebih dahulu," katanya.

Mengenai keputusan kerajaan menaikkan harga petrol RON95 dan diesel sebanyak 20 sen seliter baru-baru ini, Dr Mahathir berkata ia dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan kerana bantuan subsidi di Malaysia agak tinggi.

Mengenai Cabaran Mountain Bike Antarabangsa Langkawi Dr Mahathir berkata ia merupakan satu promosi terbaik untuk sektor pelancongan Langkawi dan Malaysia kerana apabila kejohanan basikal itu disiarkan di televisyen di seluruh dunia ia dapat menarik kira-kira sejuta penonton.

"Kos untuk mempromosikan Malaysia menerusi pengiklanan televisyen adalah mahal maka kejohanan basikal ini secara langsung dapat mempromosikan Malaysia di peringkat antarabangsa, penganjuran kejohanan ini bukannya satu pembaziran wang.

"Berdasarkan kepada pengalaman saya bertemu pelbagai orang di seluruh dunia, masih ramai yang tidak mengetahui di mana letaknya Malaysia dan saya akan menerangkannya secara lengkap kepada mereka," katanya.

Malaysia bakal mengaut keuntungan untuk jangka panjang menerusi kejohanan basikal itu kerana ia akan disertai peserta dari luar negara termasuk media antarabangsa yang akan memberi publisiti meluas sekaligus menarik lebih ramai pelancong melawat Langkawi dan Malaysia, katanya.

Sementara itu, Malik berkata kejohanan basikal itu menawarkan hadiah wang tunai AS\$125,000 (RM410,625) dengan pusingan kelayakan UCI Mountain Bike dan Trials World

Championships (UCI MTB Marathon Series), pembuka tirai kejohanan basikal di Langkawi itu, yang akan berlangsung pada 28 September ini.

Malik berkata mereka yang berminat menyertai UCI MTB Marathon Series dan Cabaran Mountain Bike Antarabangsa Langkawi boleh melayari laman web di <http://www.mtbmalaysia.com>. Tarikh tutup ialah pada 15 September ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975219>